

E-BULETIN JKA

informasi untuk dikongsi

JKA mengambil serius di dalam BENGKEL PEMBINAAN ITEM KERJA KURSUS



Bagi meningkatkan kualiti kurikulum dan penilaian item, JKA mengambil langkah pro-aktif dengan mengadakan satu bengkel interpretasi kurikulum dan pembinaan item. Bengkel ini menjadi titik tolak bagi JKA untuk melibatkan semua penilaian item perlu ditambah baik dari masa ke semasa. >> [Lanjut m/s 3](#)

SEKITAR BENGKEL INTERPRETASI KURIKULUM JKA

Bengkel interpretasi dilakukan untuk memberikan pencerahan kepada staf JKA mengenai format-format terkini berkaitan dokumen kurikulum mengikut kehendak yang digariskan oleh MQA. >> [Lanjut m/s 6](#)



Isu Menarik	
Diskusi Kerjaya Alaf Baru	>>m/s 4
Bengkel Alatan Makmal	>>m/s 7
Sekitar Survey Camp Dis 2020	>>m/s 11
Program IOT	>>m/s 12

SAFETY PREVENTION LET'S US KILL CORONAVIRUS



WEAR FACE MASK



TEMPERATURE CHECKS



SANITIZE YOUR HANDS



KEEP SOCIAL DISTANCING

Online education



SEKAPUR SIREH

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA!

Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersua kembali pada keluaran buletin siri 9/2021 Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Kuching Sarawak.

Sepanjang April hingga Jun pelbagai aktiviti yang telah di jalankan bagi memenuhi segala KPI walaupun kita masih berada pada situasi pandemik covid-19, sekalung tahniah pada semua yang telah menjayakan dan mengharumkan nama JKA.

Di harapkan semua warga JKA terus cemerlang dari masa ke masa secara langsung atau tidak dan dapat memberikan imej yang baik untuk JKA.

Saya selaku Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua staf JKA terutamanya di dalam menunaikan tanggungjawab sebagai pendidik.

Akhir sekali, saya menyeru agar semua kakitangan sentiasa menjaga SOP dan mengambil vaksinasi supaya pandemik ini segera berakhir.

Sekian, Wassalam



Che Zaidi Bin Che Hassan
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam

Kenali Pengurusan Tertinggi JKA

Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) merupakan salah satu jabatan bidang kejuruteraan di Politeknik Kuching Sarawak. Jabatan ini menawarkan 3 program di bawahnya iaitu, Program Diploma Kejuruteraan Awam, Program Diploma Pengurusan Bangunan dan Program Diploma Geomatik. JKA yang di ketuai oleh Sr. Che Zaidi B Che Hassan dan di tunjangi oleh 3 orang Ketua Program yang sangat berdedikasi iaitu Ledia Anak Angul, Redzuan Safri Abd Rahman dan Sumbang Anak Mandaw.



Salam Sejahtera...

Saya mewakili pihak redaksi mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan penerbitan e-buletin jka ini. Kami merakamkan jutaan terima kasih pada semua yang menyumbangkan bahan-bahan untuk kami muatkan ke dalam e-buletin JKA. Segala jasa kalian tidak mampu kami membalasnya. Kami akan cuba untuk terus mengeluarkan e-buletin ini mengikut seperti yang dirancang walaupun pandemik masih belum reda buat masa ini. Sekian, salam poliku sayang daripada kami di pihak redaksi, stay safe!

Joshua Ribí,
Ketua Editor.

Dari Meja Editor

BENGKEL PEMBINAAN ITEM PENILAIAN KERJA KURSUS JKA

oleh : Helmi Kadir

Satu perbengkelan untuk memantapkan kurikulum dan pembinaan item telah dilaksanakan oleh JKA, 16 Aphil bertempat di Dewan Jubli Perak PKS.

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti item terutamanya melibatkan penilaian kerja kursus. Ia disampaikan oleh Dr Alan iaitu salah seorang staf di PKS.



Sebelum itu, bengkel ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh KJKA, Che Zaidi Bin Che Hassan dan seterusnya para peserta diminta untuk menghasilkan item bagi kursus-kursus yang terlibat.

Di akhir bengkel ini, para peserta berjaya menghasilkan beberapa set item yang mencapai standard yang telah ditetapkan.

Oleh itu, bengkel ini amat memberi manfaat kepada semua kakitangan PKS khasnya JKA. Dan diharapkan bengkel ini dapat diteruskan lagi masa mendatang.



Diskusi Kerjaya **ALAF BARU** BERSAMA ALUMNI POLITEKNIK

oleh : Suzana

JKA telah menganjurkan satu siri diskusi kerjaya Alaf Baru bersama alumni Politeknik Kuching Sarawak bagi berkongsi maklumat dengan pelajar di bawah program DPB. Diskusi kerjaya ini turut di sertai oleh pensyarah dan turut berkongsi pengalaman adalah bekas pelajar DPB yang kini bekerja di Oman.

Program ini memberi impak yang besar terutamanya membuka mata peserta untuk meneroka bidang DPB ini dengan meluas. Secara tidak langsung ia memberi minat yang mendalam dan mampu bersaing dengan pelajar dari negara-negara lain. Diharapkan program ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang supaya JKA sentiasa mengikuti perkembangan semasa industri di luar sana.

Pada 28 April yang lalu telah diadakan webinar khas untuk memberi pendedahan kepada pelajar terutama di dalam isu-isu semasa dan amalan pengurusan kontrak binaan yang berpandukan borang kontrak setara JKR203/203A.

Program ini melibatkan pelajar daripada program DPB dan DKA yang turut sama disertai pensyarah kursus dan projek akhir. Sesi kali ini sangat memberi manfaat dan para pelajar sentiasa cakna dengan memberi pandangan dan memberi soalan-soalan yang bernas.



ISU ISU SEMASA DAN AMALAN TERBAIK DALAM PENGURUSAN KONTRAK BINAAN BERPANDUKAN BORANG KONTRAK SETARA JKR203/203A*

oleh : Mardiana

APA PERLU PENGURUSAN K
YANG BAIK?

Memerlukan mutu kerja yang berualiti



Pihak penceramah juga amat berpuas hati dengan respon yang diberikan oleh pelajar.

Di akhirnya program ini telah mencapai objektif sendiri dengan memperincikan lagi segala maklumat-maklumat yang terkandung di dalam borang JKR tersebut.

Diharapkan program ini memberikan satu anjakan paradigma buat peserta dan disyorkan untuk diteruskan lagi di masa akan datang. Syabas dan tahniah buat penganjur dan sekali lagi JKA amat berbangga dengan kalian.



TAKLIMAT INTERPRETASI Dokumen Kurikulum Versi JUN 2019


oleh : Redzuan





JKA telah menganjurkan satu sesi taklimat mengenai Interpretasi Dokumen Kurikulum Versi JUN 2019 yang bertempat di dewan Jubli Perak pada 16 April yang lalu.

Sesi Taklimat ini disampaikan oleh Ketua Program DKA iaitu Pn Ledia Angul dan Ketua Program DPB iaitu En. Redzuan Safri. Sesi ini memberikan maklumat terkini berkaitan Dokumen Kurikulum Versi yang terkini iaitu Versi JUN 2019.

Kesemua pensyarah JKA telah terlibat dengan taklimat ini dan diharapkan kesemuanya mematuhi versi JUN 2019 ini bagi menghadapi pelbagai audit terutamanya Audit ETACC dan MQA.



oleh : Ayub



DIALOG KERJAYA DPB Cabaran IR4.0 Bersama Industri

oleh : Mazlina



Program "DIALOG KERJAYA KEJURUTERAAN PERKHIDMATAN BANGUNAN & CABARAN IR4.0 BERSAMA INDUSTRI" merupakan program untuk memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar melalui perkongsian pengetahuan serta pengalaman oleh pihak industri berkaitan dengan bidang tersebut.

Pelajar semester 1 dipilih untuk mengikuti program ini kerana untuk membantu mereka mengetahui hala tuju bidang kerjaya mereka selepas tamat pengajian di politeknik. Di mana mereka seharusnya memahami bahawa bidang Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan ini merupakan bidang yang sangat penting kerana ia berkaitan dengan sistem perkhidmatan mekanikal dan elektrik (M&E) yang memberi keselesaan kepada penghuni sesebuah bangunan dan sebagai nadi penggerak untuk sesebuah bangunan berfungsi dengan baik. Manakala pelajar semester 5 pula dipilih kerana mereka akan keluar menjalani latihan industri pada semester berikutnya dan mereka akan berdepan dengan situasi sebenar dalam pekerjaan.


Objektif program ini adalah membantu pelajar mengetahui hala tuju kerjaya bagi bidang Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan.

Selain itu, ianya diharapkan dapat memberi pendedahan industri kepada para pelajar serta perkembangan semasa teknologi terkini.

Perjalanan dialog ini dilaksanakan melalui kaedah dalam talian iaitu Microsoft Team. Kemudian ia bermula dengan pendaftaran peserta bermula pada pukul 1.45 petang. Program bermula pada pukul 2.00 petang dengan ucapan aluan dari penyelar program. Majlis ini menjemput Dayang Zainab Binti Abang Ibrahim daripada syarikat MME SDN. BHD. Penceramah memulakan sesi dengan menerangkan mengenai skop bidang Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan. Seterusnya beliau berkongsi pengalaman dan informasi mengenai kerjaya dalam bidang Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan. Akhirnya sesi soal jawab dan program tamat pada pukul 5.30 petang.

CABARAAN IR 4.0

BERSAMA INDUSTRI



Pada 1 April yang lalu telah diadakan satu aktiviti kolaborasi bersama industri bagi program geomatik.

Aktiviti ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan kolaborasi antara institusi dengan industri melalui Program Dialog Kerjaya Geomatik 2021.

Intipati program dialog tersebut adalah perkongsian mengenai cabaran IR4.0 industri dan peranan institusi sebagai memaju tenaga kerja.

Dialog Kerjaya GEOMATIK 2021

oleh : Lee Kong Fah

Banyak perkongsian maklumat diantaranya dengan menggunakan teknik cerapan data baru dengan menggunakan Lidar Scanning seterusnya permodelan data 3D dengan mudah.

Data 3D dijangka amatlah diperlukan kerana penggunaannya dimasa depan lebih 'significant'. Pendedahan ini amatlah berguna terutama kepada pensyarah dan pelajar PKS kerana ia secara tidak langsung membuka minda dan peluang untuk pelajar meneroka bidang geomatik dengan lebih meluas.



Bengkel Concieve
Design Implement Operate

BERSAMA PELAJAR DPB

oleh : Suzanna

DPB telah mengadakan bengkel Concieve Design Implement Operate pada bulan April yang lalu. Bengkel ini memfokuskan kepada penghasilan idea, perancangan dan pelaksanaan sehinggalah sesuatu produk itu terhasil.

Antara lain bengkel ini adalah bertujuan melatih pelajar melalui kemahiran generik skill dan semangat kerja berpasukan. Hal ini dapat dilihat dengan dengan pelbagai jenis produk terhasil hanya dalam masa 2 jam.



JKA sekali menggalakkan program sebegini dilakukan bagi memupuk semangat kerja berkumpulan dan meningkatkan tahap kreativiti pelajar terutama di dalam bidang TVET ini. Syabas dan Tahniah kepada penganjur!

Khemah Ukur merupakan satu aktiviti untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan menjana kemahiran dalam bidang ukur tanah dan hidrografi terutama kepada pengukuran dan teknik penetududukan, pemprosesan data dan penghasilan persembahan dalam bentuk pelan



SURVEY CAMP

DGU Sesi Dis 2020

oleh : Nizar



Khemah Ukur dijalankan dengan peserta dipecahkan kepada Empat (4) kumpulan. Setiap kumpulan akan diselia dan dipantau oleh seorang pesyarah. Kerja-kerja pengukuran meliputi kerja Ukur Kadester, Ukur Kejuruteraan dan Ukur GPS dilakukan di dalam Politeknik Kuching Sarawak.





Manakala kerja pengukuran kedalaman sungai iaitu melibatkan Ukur Hidrografi dilakukan di Jeti Kg. Telaga Air. Setiap kumpulan dipecahkan kepada beberapa kawasan dan para peserta didedahkan dengan situasi sebenar dilapangan dengan mencari datum, menentukan lot dan pelbagai lagi. Secara tidak langsung, program ini dapat memberi persediaan awal kepada pelajar dari segi mental dan fizikal apabila bekerja nanti.

THE INDUSTRIAL INTERNET OF THINGS

HERE EXPERT COMMUNITY PROGRAMME

oleh : Pang Siew Juen

Program Industrial Internet of Things : Here Expert Community Malaysia adalah satu program yang diadakan untuk mendedahkan pelajar dengan penggunaan teknologi dalam alam pekerjaan pada masa akan datang. Program ini membantu pelajar untuk melakukan persediaan dan boleh mengatur kerja dengan lebih sistematik. Penceramah yang berpengalaman telah dijemput untuk berkongsi pengalaman, kemahiran dan pendapat bagi menjayakan program ini.



Program ini menyasarkan penyertaan semua pelajar Diploma Geomatik dan Diploma in Information Technology Sesi Dis 2020.

Antara objektif program ini adalah untuk menghasilkan graduan TVET berkualiti. Selain itu, memperkukuhkan kolaborasi industri dan komuniti secara tidak langsung memberi pendedahan kepada pelajar dalam kepentingan teknologi di alam pekerjaan kelak.

JKA mengharapkan program ini dapat diteruskan lagi bagi menyediakan pelajar yang berpengetahuan dan bersedia dengan kespesatan teknologi yang mendatang.



WEBINAR TVET : PENGENALAN DAN PROSEDUR PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN

oleh : Suzana



Pendedahan kepada sistem pengurusan penyelenggaraan di dalam bangunan bertujuan memberikan “added value” kepada para pelajar untuk meningkatkan pengetahuan sedia ada dalam pembelajaran teori kepada keadaan sebenar.

Maka ceramah merupakan sebuah lagi program alternatif terbaik bagi melengkapi para pelajar dengan disiplin ilmu yang tinggi terutamanya dalam mendalami dan mempelajari kursus-kursus seperti DCB40192- Facilities Management .

Dengan adanya program ini dapat mendidik disiplin serta ilmu yang tinggi kepada para pelajar. Selain itu ianya mampu memberikan daya keinginan yang tinggi untuk memperluaskan serta memperkasakan diri dengan situasi sebenar di dalam industri.

Maka mereka tidak hanya akan bergantung sepenuhnya dengan ilmu yang terdapat dalam sukatan pembelajaran yang dipelajari malah pelajar akan memperolehi bayangan sebenar di dalam industri luar. Lantas ianya menjadikan program seperti ini sebahagian daripada penjana utama kepada modal insan inovatif melalui pendidikan teknikal dan vokasional dalam melahirkan visi dan misi JPPKK.



Justeru itu perlunya program seumpama ini dianjurkan bagi merealisasikan hasrat tersebut.